

06/11/1999

Kegiatan BN kurang liputan

Salahuddin Isa

SEMEMANGNYA Barisan Nasional (BN) jelas mempamerkan ikatan perpaduan dan kerjasama erat demi kemajuan dan kesejahteraan negara tercinta, Malaysia.

Pakatan pelbagai parti dalam BN yang hidup sehati sejiwa dalam tempoh cukup lama sukar untuk dimusnahkan parti pembangkang. Ia adalah petanda dan bukti BN sebagai parti pilihan rakyat negara ini.

Dalam tempoh sedikit masa lagi, pilihan raya ke-10 bakal menjelang. Yang pasti BN sudah bersedia dari akar hingga ke puncak untuk memastikan pilihan raya kali ini terus menjadi milik BN sepenuhnya.

Pengalaman selama sembilan kali pilihan raya dan menang berturut-turut menjadi azimat untuk menyuntik semangat juang kepada semua jenteranya, lebih-lebih lagi diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Syabas diucapkan.

BN pasti akan menang. Hal ini jelas tergambar apabila kita dapat menyaksikan meriahnya sambutan Jubli Perak di Stadium Nasional, Bukit Jalil baru-baru ini. Banyak lagi kejayaan diperolehi BN selama mentadbir negara.

Rakyat juga dapat hidup selesa dan mampu mendapatkan perkhidmatan sebaiknya. Pendek kata semua dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.

Namun, saya pelik sejak beberapa minggu ini agak kurang liputan mengenai BN di media terutama dari segi;

- * Sumbangan atau bantuan yang diberikan pimpinan BN kepada mangsa banjir di Kedah, Pulau Pinang atau Perak.

- * Peperiksaan PMR, SPM dan STPM kian hampir, tetapi kurang memperlihatkan persediaan sekolah terutama di Sabah dan di Sarawak.

- * Kurang memaparkan kegiatan pimpinan BN dan biodata tokoh BN.

Pada saya, media seharusnya mengurangkan cerita keburukan guru yang kian hari profesion mereka agak tercemar sedangkan jawatan ini ramai disandang oleh orang Melayu yang menyokong BN.

Di Sabah, ramai guru menyokong BN dan ini harus dititikberatkan demi mengelakkan penyokong setia BN ketinggalan maklumat.

Kita yakin BN akan menang dalam pilihan raya akan datang.

Biarlah parti Barisan Alternatif dengan labu-labunya menabur janji, tetapi Allah SWT maha mengetahui perjuangan hamba-Nya yang jujur atau sebaliknya.